Siaran Akhbar
Bukit Jalil, Kuala Lumpur (03 September 2022)

TRACIE SINIDOL DARI SABAH DINOBATKAN DEWI REMAJA 2022

Pencarian Dewi Remaja 2022 telah melabuhkan tirainya setelah lapan (8) episod bersiaran di Astro Ria dan Astro Go, dengan menobatkan gadis kelahiran Sabah, Tracie Sinidol sebagai Juara *Dewi Remaja 2022,* sekaligus mengenapikan saingan 9 peserta lain yang turut sama berentap di pentas akhir Dewi Remaja 2022.

Gadis peranakan Murut dan Dusun ini berjaya membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM10,000 beserta sebuah trofi di pentas akhir Dewi Remaja 2022 yang bersiaran secara langsung dari Dewan Sri Putra, pada 3 September lalu. Shaza Bae, selaku Dewi Remaja 2019 telah memahkotakan dan menyarungkan selempang juara kepada Tracie sebagai simbolik kemenangan.

Siti Nur Aishah Bee Binti Md Nor (Bee Aishah) merangkul gelaran *Naib Juara* dan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM7,000 beserta trofi, manakala *tempat ketiga* disandang oleh Kimberly Chuah Ching Li (Kimberly Chuah) yang menerima hadiah wang tunai bernilai RM5,000 dan trofi.

Sementara itu, Noor Alyssa Binti Ahmad Azmi (Alyssa Azmi) yang berada di *tempat keempat* berpuas hati apabila menyandang gelaran *Dewi Activ Kinohimitsu* dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM1,000 beserta trofi. Selain gelaran juara, Tracie Sinidol juga merangkul kategori *Dewi Favourite* hasil undian peminat melalui laman web, https://www.remaja.my/dewi/. Manakala, Keeran Kaur A/P Daljit Singh (Keeran Praval) berjaya memperolehi gelaran *Dewi Inspirasi* pada malam tersebut. Para peserta telah diadili oleh barisan juri berpengalaman diketuai oleh Datuk Aznil Hj Nawawi, Didie Alias (finalis Dewi Remaja 1990/1991) dan Izara Aishah (Naib Juara Dewi Remaja 2009/2010).

Pencarian Dewi Remaja yang memasuki edisi ke-12 ini telah dianjurkan oleh syarikat media, Nu Ideaktiv dengan kerjasama Astro dan menampilkan Fikry Ibrahim selaku hos sepanjang lapan episod. Turut membuat persembahan pada malam kemuncak adalah barisan artis popular seperti Noraniza Idris, Bunga, Wani Kayrie, Amsyar Lee dan Isaac Voo.

HASHTAG RASMI
#DewiRemaja2022
#DewiRemaja

- **TAMAT** -

TENTANG NU IDEAKTIV

Nu Ideaktiv Sdn Bhd merupakan syarikat usaha sama di antara Astro dan Karangkraf yang telah ditubuhkan pada 2 Mei 2018. Nu Ideaktiv berusaha dalam menyebarkan informasi melalui kandungan media digital yang penuh inspirasi dan menjadi salah satu jenama peneraju dalam media Malaysia. Info lanjut, layari laman web https://www.ideaktiv.com/

TENTANG MAJALAH REMAJA

Remaja merupakan sebuah jenama media yang didedikasikan untuk menyediakan kandungan inspirasi dan aspirasi bagi anak muda Malaysia selama lebih 38 tahun. Bermula sebagai majalah, kini jenama ini bertapak kukuh di dunia digital. Remaja adalah jenama yang mengupas tentang trend fesyen dan kecantikan, tip pendidikan & kerjaya, nasihat hubungan, perihal selebriti dan hiburan, peretasan hidup serta inklusif dengan pelbagai lagi informasi bagi para anak muda yang ingin meningkatkan gaya hidup mereka pada setiap hari. Info lanjut, layari laman web https://www.remaja.my/

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Intan Srihana Daud
Ketua Jabatan Komunikasi & Pemasaran
Nu Ideaktiv Sdn Bhd

Mobile : +6012 299 8317
Email : intan_srihana@ideaktiv.com

Rozaida Binti Hashim
Eksekutif Komunikasi & Pemasaran
Nu Ideaktiv Sdn Bhd

Mobile : +6016 320 3413
Email : rozaida@ideaktiv.com

Mohd Fiezreen Bin Ahmad
Editor Pengurusan Remaja, Media Hiburan & Hijabista

Mobile : +6011 1574 0754
Email : m_fiezreen@ideaktiv.com